

23/09/2001

Hapuskan sumpahan puisi

Iskandar Esfandiari Ahmad

PUISI di negara ini tidak pernah diterima sebagai keluarga televisyen. Berbanding dengan genre novel dan cerpen - puisi dilihat sebagai tidak mempunyai tempat yang sesuai dengan piagam televisyen yang cenderung kepada aspek hiburan. Maknanya, puisi dilihat sebagai medium seni yang tidak berdaya hiburan.

Televisyen di negara ini sudah melalui sejarah penyiaran yang panjang - antara nilai komunikasi maklumat dan aspek tarikan rating tontonan bagi menyerap masuk pendapatan iklan - apa pun, televisyen secara amnya masih diklasifikasikan sebagai rumah asing untuk puisi.

Maka itu, tersendatlah puisi dalam mediumnya yang konvensional berbentuk teks. Kalaupun puisi digilai atau dibenci - tekslah yang menjadi agendanya. Jadi kerana secara umumnya puisi dihukum sebagai bukan keluarga televisyen, tidak hairanlah dalam empat dekad selepas merdeka, ketika hari ini televisyen memainkan peranan hingga ke bilik tidur rakyat Malaysia, puisi tidak menyertainya.

Sama ada pendapat ini benar atau salah, bukanlah lagi satu premis penting untuk diperdebatkan. Yang lebih penting sekarang ialah ketika pemimpin besar seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah yakin untuk membawa puisi ke Perhimpunan Agung Umno yang lalu sebagai medium untuk menyuarakan gagasannya terhadap jati diri Melayu, puisi tanah air menerima kejutan amat besar.

Kerana Dr Mahathir - puisi menerima layanan baru - dari kelas melukut ke kelas beras. Sebelum ini tiada siapa yang memperjuangkan puisi secara berani sebagai program yang mampu mengisi tuntutan televisyen yang berperang dalam disiplin rating.

Dr Mahathir sendiri tentunya melihat puisi sebagai medium kemuncak untuk menyuarakan pandangan nasionalistiknya terhadap isi diri bangsanya selepas berulang kali teguran lantanganya dalam ucapan dasar dan penangguhan Perhimpunan Agung Umno kurang meninggalkan kesan dalaman kepada perwakilan parti.

Anehnya, pilihan Dr Mahathir tepat, apabila isi puisinya tidak semata-mata menjadi sebahagian daripada teks ucapan malah selepas itu berkembang menjadi bahan diskusi di kalangan perwakilan parti hingga ke akar umbi.

Lebih mengejutkan lagi, tidak saja isi puisi, malah medium puisi sendiri turut popular sebagai medium baru untuk menyuarakan pandangan yang akrab dengan suara hati manusia. Maka itu, puisi pun membiak hingga menjadi program bertaraf siaran langsung waktu perdana. Tahniah kepada Dr Mahathir dan tahniah juga untuk Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin (Zam) kerana yakin dan berani meletakkan puisi ke tahap tertinggi dalam program televisyen pada 2 September lalu.

Cuma yang perlu kita fikirkan, apakah kita memerlukan Dr Mahathir secara berterusan dan bersendirian dalam usaha mempopularkan puisi.

Apakah jentera sastera di peringkat institusi yang gah seperti Dewan Bahasa dan Pustaka atau puluhan persatuan penulis yang selama ini sibuk berseminar tidak terpanggil untuk turut serta mengubah strategi dalam usaha memberikan martabat baru kepada puisi?

Apakah DBP masih percaya pada ritual lama bahawa puisi hanya akan maju dengan strategi menerbitkan ratusan antologi setahun atau menganjurkan ratusan seminar bagi melahirkan puluhan ribu kertas kerja setahun?

Kalau DBP dan persatuan sastera masih menyimpan ritual sedemikian sebagai anutan, maka nampaknya kerja membawa dan menghidupkan puisi di

televisyen sebagai medium paling berpotensi untuk mengembangkan puisi di kalangan rakyat akan menjadi tanggungjawab orang lain. Jadi, yang kita kena fikirkan sekarang, orang lain itu siapa pula? Mustahil Dr Mahathir atau Zam.

Sebelum ini Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena) dan Berita Harian menggerakkan acara baca puisi bulanan, baik di Rumah Pena yang sudah mencatat sejarah mahupun di pusat pengajian tinggi dan negeri.

Usaha murni ini turut mempunyai saham besar selaras dengan usaha Dr Mahathir yang bukan sekadar mahu melahirkan rakyat yang maju ekonomi dan teknologinya, juga mampu berfikiran kreatif. Justeru, puisi adalah selayak-layaknya hingga ia bergema di Perhimpunan Agung Umno dan Bangunan Parlimen.

Usaha yang sepatutnya dilakukan oleh DBP, tetapi dijayakan oleh Pena ini berjaya meningkatkan mutu lagu Malaysia apabila banyak puisi yang baik dinyanyikan oleh artis ternama tanah air.

Sehubungan itu tidak hairanlah apabila Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas acara Baca Puisi Angkasapuri 2001 memuji majlis itu kerana melalui puisi berdaya meningkatkan mutu lagu Malaysia.

Jelas majlis itu dapat mendekatkan yang popular iaitu lagu dengan yang tak popular iaitu puisi. Mendekatkan penyair dan penyanyi supaya sama-sama berganding bahu untuk sama-sama mengambil manfaat antara satu sama lain.

Puisi layak menjadi program televisyen kerana asasnya ialah seni dan isinya ialah persembahan. Dua aset penting yang selama ini diperlukan oleh program televisyen. Cuma yang diperlukan ialah mendapatkan tenaga kreatif yang mahir dalam strategi melahirkan konsep program yang dapat mengikat selera tontonan hari ini.

Barangkali Zam dapat memberikan sedikit ehsan kepada puisi untuk tampil sebulan sekali di televisyen, sambil itu kita belajar bagaimana menjadikan ia sebagai program mingguan yang mampu menyeret penonton. Menyatukan puisi dengan lagu dan muzik serta lakonan bererti sudah lengkap segala isi yang selama ini digunakan oleh program televisyen, cuma yang perlu dicari ialah konsep persembahan bersifat bulanan.

Barangkali, sebulan sekali terutama hujung minggu, kita mempunyai medium yang lebih berkesan untuk menyuarakan suara hati nurani manusia dan jati diri bangsa secara artistik dan menghiburkan bagi menyampaikan cita-cita murni kerana penonton.

Sehingga kini hanya Pena dengan kerjasama Berita Harian secara terus menerus setiap bulan mengadakan Baca Puisi dan kini telah menjangkau usia tiga tahun. Acara itu malahan telah berkembang tidak saja di Rumah Pena malahan ke Kota Bharu, Kelantan, Ipoh, Perak, Terengganu, Pahang, dan daerah di Johor.

Dalam hal ini DBP perlu memikirkan strategi yang lebih proaktif daripada terus-terusan pening kepala memikirkan di mana ratusan judul antologi puisi yang tidak laku perlu dilambakkan. Gunakan televisyen sebagai medium promosi, akhirnya apabila puisi sudah dikenali dan dicintai, buku akan dicari.

Oprah Winfrey sudah membuktikan bagaimana dia mampu mengubah nasib puluhan novel baru dan lama melalui program talk shownya.

Bagaimana sebuah novel yang hanya terjual 180,000 naskhah sejak sedekad lalu tiba-tiba saja menerima tempahan ulang cetak hampir sepuluh kali ganda apabila penulisnya diwawancara selama lima belas minit oleh Oprah Winfrey. Malah hari ini, semua syarikat penerbitan berdoa dan berusaha agar penulis mereka ditemu bual oleh Oprah.

Barangkali untuk langkah pertama, Baca Puisi IPT boleh diperkemas lagi ke taraf program rakaman untuk siaran. Pena, Berita Harian, DBP dan Makum boleh menjemput RTM untuk duduk semeja bagi acara tahun 2002 sebagai

langkah pertama membawa puisi ke program televisyen sekali gus menghapuskan sumpahan purba bahawa puisi tiada tempat di televisyen.

Langkah selanjutnya lagi barangkali Berita Harian boleh duduk semeja dengan Kementerian Pendidikan bagi merancang Baca Puisi Negeri yang membabitkan institusi pendidikan, menengah dan tinggi.

Dan ini memang dipersetujui oleh Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Aziz Shamsuddin selepas majlis Baca Puisi Angkasapuri 2001 baru-baru ini.

(END)